

11.6.2021_Sinar Harian_MOSTI - MOTAC mohon percepat proses vaksinasi pekerja pelancongan di Langkawi

MOTAC mohon percepat proses vaksinasi pekerja pelancongan di Langkawi

KUALA LUMPUR - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah memohon untuk mempercepat proses vaksinasi pekerja sektor dan subsektor industri pelancongan di Langkawi, Kedah yang dikenal pasti sebagai projek rintis *green travel bubble*.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pihaknya kini bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam usaha merencanakan semula industri pelancongan yang terkesan oleh pandemik Covid-19.

“Kita perlu pastikan mereka yang dalam sektor dan subsektor pelancongan divaksinasi dahulu kerana kalau mereka tidak divaksin bagaimana nak beri ya-kinkan pelancong,” katanya ketika ditemu bual dalam program Apa Kata Menteri terbitan SWA TV secara langsung di laman Facebook MOTAC pada Khamis.

Katanya, MOTAC bersedia menyediakan kemudahan infrastruktur bagi dijadikan pusat pemberian vaksin (PPV) termasuk Kompleks Kraf Langkawi.
- *Bernama*